

20 JUN 1996

Belia-Kurikulum

KEMENTERIAN KAJI KURIKULUM INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA

PASIR MAS, 20 Jun (Bernama) -- Kementerian Belia dan Sukan akan mengkaji kurikulum latihan yang ditawarkan oleh Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) bagi memastikan ianya memenuhi keperluan guna tenaga negara pada masa akan datang.

Menterinya Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, pihaknya bercadang memperkenalkan beberapa bidang baru bagi menggantikan beberapa bentuk latihan yang kini didapati tidak lagi sesuai dengan keperluan semasa

"Antara bidang baru yang akan diperkenalkan membabitkan keperluan dalam industri Hi-Tech (berteknologi tinggi), automotif dan pembuatan," katanya selepas merasmikan Konvensyen Pimpinan Perdana peringkat Kelantan di Semerak dekat sini, hari ini.

Menurut beliau, beberapa kursus yang masih ditawarkan sejak penubuhan IKBN kira-kira 10 tahun yang lepas seperti kimpalan, kejuruteraan, fotografi dan menjahit akan disingkatkan tempoh pengajian bagi memberi laluan kepada bidang-bidang baru ini.

"Kursus lama yang antaranya mengambil masa hingga dua tahun bagi membolehkan pelatih mendapat sijil akan disingkatkan tempohnya tanpa menjejaskan kualiti pembelajaran," katanya.

Beliau berkata pada masa ini sebanyak 3,000 pelatih berkemahiran dalam pelbagai bidang dikeluarkan setiap tahun daripada lapan buah IKBN yang terdapat di seluruh negara.

Muhyiddin juga berkata kementerian itu akan menubuhkan sembilan lagi IKBN termasuk di Kelantan, Sabah dan Sarawak dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh ini bagi membolehkan seramai 10,000 pelatih berkemahiran di kalangan belia dikeluarkan setiap setahun.

"Peruntukkan sebanyak RM170 juta disediakan bagi membina kesemua IKBN baru itu manakala peruntukkan tambahan sebanyak RM60 juta lagi bagi meningkatkan kemudahan di IKBN yang sedia ada," katanya.

Sementara itu dalam ucapannya, Muhyiddin berkata bagi aktiviti Rakan Muda Jati Diri, kementerian itu akan mengadakan program khas Latihan Kepimpinan fasa pertama bagi melatih seramai 800 pemimpin belia di seluruh negara dalam bidang kepimpinan.

Program itu dijangka dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Ogos ini, katanya.

Seramai 200 belia dari seluruh daerah Kelantan menghadiri konvensyen dua hari itu yang bermula semalam, anjuran Jabatan Belia dan Sukan negeri Kelantan.

-- Bernama

RAR